

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2/12/2018

Sistem tanpa tunai tangani rasuah: PM

BH - 2/12/2018 m/s: 2

➔ Kerajaan perkenal Pas Perjalanan Tanpa Had, rekod setiap transaksi mulai 1 Januari

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad dan Hidir Reduan Abdul Rashid
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pengenalan Pas Perjalanan Tanpa Had selama 30 hari antara usaha ke arah mewujudkan sistem masyarakat tanpa tunai, sekali gus mampu menangani gejala rasuah dalam negara.



Apabila kita perkenal sistem tanpa tunai, sukar bagi mereka menyogok wang rasuah kepada sesiapa kerana semuanya akan direkod dalam bank dan dalam sistem lain”

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

Perdana Menteri berkata, ia dapat dilakukan berikutan setiap transaksi tanpa tunai akan direkod dalam bank dan sistem lain.

Beliau berkata, kemudahan itu akan bermula di Lembah Klang pada 1 Januari depan dan diperluaskan ke negeri lain pada masa depan.

“Kerajaan akan memikirkan cara memperkenalkan sistem tanpa wang ini. Apabila kita guna tunai, kadangkala kadang tunai diguna untuk rasuah dan sebagainya.

Tahu siapa beri, terima rasuah

“Jadi, apabila kita perkenal sistem tanpa tunai, sukar bagi mereka menyogok wang rasuah kepada sesiapa kerana semuanya akan direkod dalam bank dan dalam sistem lain supaya kita dapat tahu siapa yang memberi dan menerima wang sogokan.

“Sebagai percubaan kita mula di Kuala Lumpur supaya dapat tahu jika ada kelemahan untuk diperbetulkan. Ini menjadi pemikiran Pakatan Harapan (PH) untuk mengu-

rangkan beban rakyat supaya mereka boleh menikmati kehidupan lebih sempurna,” katanya berucap pada Majlis Pelancaran Pas Perjalanan Tanpa Had My100 dan My50 di KL Sentral, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook; timbalannya, Datuk Kamarudin Jaffar serta Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Mohamadudin Ketapi.

Perdana Menteri berkata, sistem itu antara usaha kerajaan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

“Kalau tidak ada rasuah, tentu kos sara hidup akan berkurangan, sebaliknya jika kita lihat rasuah berleluasa di negara kita, maka setiap suatu kerja dilakukan akan menjadi lebih mahal kerana perlu bayar sekian banyak pada pihak tertentu yang mempunyai kuasa meluluskan sesuatu permintaan.

“Kita berjanji dalam manifesto untuk sedaya upaya mengurangkan kos sara hidup rakyat, tetapi pada masa

sama, jika kos sara hidup rakyat ditanggung kerajaan, ini bermakna kita tidak selamatkan apa-apa kerana wang kerajaan datang daripada cukai yang dipungut daripada rakyat.

“Apabila guna wang kerajaan, kita juga guna wang rakyat, jadi kita perlu tanggung sara hidup lebih tinggi,” katanya.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, pelbagai cara difikirkan kerajaan untuk membantu rakyat dan mengalu-alukan jika mana-mana pihak mempunyai idea cara mengurangkan beban sara hidup.

“Pas perjalanan tanpa had My100 dan My50 ini diyakini dapat membantu kerajaan membantu rakyat mengurangkan beban kos sara hidup di Lembah Klang kerana dapat menjimatkan perbelanjaan dan masa ke sesuatu tempat seperti pejabat dengan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam

“Pas tanpa had ini membantu rakyat menjimatkan RM100 sebulan jika menggunakan pas My100,” katanya.